

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 29, 2019 4:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bingkisan Aidilfitri Gembiraikan Setiausaha Pejabat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 MEI 2019 / 24 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

BINGKISAN AIDILFITRI GEMBIRAKAN SETIAUSAHA PEJABAT



UUM ONLINE: Sebagai tanda ingatan menjelang Syawal ini, UUM telah menyampaikan bingkisan Aidilfitri kepada 62 staf terdiri Setiausaha dan Pembantu Setiausaha Pejabat di Bilik Taklimat Universiti, pagi tadi.

Pengarah Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah berkata, sebagai '*front line*' pejabat, Setiausaha dan Pembantu Setiausaha Pejabat memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran tugas sama ada ketika berurusan dengan pelajar, staf dalaman atau pihak luar.

Pada majlis itu, beliau turut menekankan supaya semua staf UUM khususnya Setiausaha dan Pembantu Setiausaha supaya ikhlas dalam pekerjaan bagi mendapatkan rezeki yang halal, selain mengingatkan supaya semua staf bekerja dengan lebih proaktif.

"Saya mahu semua staf di sini bekerja dalam keadaan yang seronok dan gembira kerana dengan momentum itu, kita akan bekerja dengan lebih baik dan apa yang dilakukan juga akan membuahkan hasil yang baik," katanya yang mewakili Naib Canselor menyampaikan bingkisan raya tersebut.

Sementara itu, Presiden SETIA, Norazlina Mahmud berkata, beliau mengucapkan terima kasih kepada pengurusan universiti di atas pemberian bingkisan raya buat julung kali.

Menurutnya, dia menghargai inisiatif yang dilakukan universiti dalam meraikan staf termasuk Setiausaha dan Pembantu Setiausaha Pejabat dengan memberi bingkisan raya dan mengadakan pertemuan khas seperti itu.

Katanya, dia berharap amalan itu dapat diteruskan lagi pada masa hadapan dan pada masa sama mewakili semua ahli SETIA memohon maaf andai ada salah silap sepanjang bertugas dan berurusan di UUM.

Bagi Noorhayati Shahidan yang telah berkhidmat di UUM sejak 1984 melahirkan rasa gembira dan terharu kerana pihak universiti mengingati pengorbanan warga Setiausaha dan Pembantu Setiausaha Pejabat dengan memberi bingkisan raya itu.

"Saya rasa dihargai dan pada masa sama turut menghargai ingatan UUM walaupun pertama kali menerima bingkisan raya daripada pengurusan universiti.

"Sebelum ini, saya hanya menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang daripada universiti, tetapi pemberian hari ini seperti satu anugerah buat saya," katanya yang turut menyampaikan serangkap pantun:

Salam mesra di bulan Ramadan,

Terima kasih atas pemberian,

Kami sanjung segala penghargaan,

Maafkan kami kelemahan insan.

Siti Aizian Ismail dari UUM COB pula melihat pemberian bingkisan raya itu adalah satu signifikan sepanjang tempoh perkhidmatannya selama 30 tahun di UUM kerana buat pertama kali dia menerima 'goodies' raya itu daripada universiti.

Katanya, pemberian itu sangat bermakna kepada mereka yang bekerja sebagai Setiausaha dan Pembantu Setiausaha Pejabat, malah menganggap pemberian itu adalah satu pengiktirafan dan ingatan Naib Canselor kepada mereka.

Perasaan gembira itu turut dikongsikan Norhayati Nor Hakimi yang terharu dengan pemberian bingkisan raya oleh pihak universiti.

"Saya harap pemberian seperti ini akan menjadi pemangkin semangat untuk terus bekerja dengan lebih rajin dan memberikan khidmat yang terbaik kepada universiti," katanya.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.